Baca. Kemudian, lengkapkan peristiwa Nabi Muhammad menerima wahyu pertama dengan perkataan yang betul.

membaca	Ramadhan	40	menceritakan	pendita
memeluk	ketakutan	Al- 'Alaq	Khadijah	dilantik

Pada malam 17 _____ (1) ketika Nabi Muhammad (saw) berusia _____ (2) tahun, Jibrail datang bertemu Nabi Muhammad (saw) yang sedang beribadah di Gua Hira'. Jibrail menyuruh baginda _____ (3) tetapi Nabi Muhammad (saw) menjelaskan bahawa baginda tidak boleh membaca. Jibrail _____ (4) Nabi Muhammad (saw) dengan kuat kemudian melepaskan baginda.

Selepas tiga kali Jibrail memeluk dan menyuruh Nabi Muhammad (saw) membaca, Jibrail mengajar baginda membaca Surah _____ (5) ayat 1 hingga 5.

Selepas peristiwa itu, Nabi Muhammad (saw) bergegas pulang ke rumah dalam _____ (6) dan meminta baginda diselimutkan. Isteri Nabi Muhammad (saw) iaitu _____ (7) menyelimut dan menenangkan baginda.

Apabila keadaan reda, Nabi Muhammad (saw) _____ (8) peristiwa tersebut kepada Khadijah. Lalu, Khadijah membawa Nabi Muhammad (saw) bertemu *Waraqah bin Naufal*, iaitu seorang _____ (9) Nasrani yang sangat berilmu. *Waraqah* menjelaskan bahawa Nabi Muhammad (saw) telah _____ (10) sebagai Rasul.

LIVEWORKSHEETS

LIVEWORKSHEETS